

Kakitangan awam dinasihat pilih SSM

UM 13 OCT 2002

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Semua kakitangan awam dinasihatkan memilih Sistem Saraan Malaysia (SSM) kerana pelaksanaannya mengutamakan tahap kecekapan sebenar pekerja dan tidak bergantung kepada penilaian ketua ja-

batan seperti dalam Sistem Saraan Baru (SSB).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, mana-mana kakitangan awam yang tidak mempunyai maklumat atau keliru dengan pelaksanaan SSM boleh merujuk kepada kesatuan masing-masing.

"Kita telah serahkan semua dokumen berkaitan SSM kepada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) untuk tindakan selanjutnya," kata beliau selepas Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam dan Perasmian Forum Kualiti Perdana 2002 di sini hari ini.

Jamaluddin mengulas mengenai sambutan pelaksanaan SSM di kalangan hampir sejuta kakitangan awam yang akan berkuat kuasa bulan depan.

Sehingga kini, masih terdapat kakitangan awam yang belum memilih SSM sebaliknya mahu mengekalkan penggunaan SSB.

Pada 29 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan SSM bagi menggantikan SSB yang dikatakan kurang berkesan dan menutup banyak peluang kenaikan pangkat selain kuasa ketua jabatan yang terlalu luas.

SSM diyakini sebagai cara terbaik untuk kakitangan awam kerana ia menekankan aspek kecekapan dalam menentukan perkembangan kerjaya.

Mengulas lanjut, Jamaluddin berkata, semua kakitangan kerajaan akan mendapat pergerakan gaji secara biasa pada tahun depan.

Jelasnya, pergerakan gaji di bawah SSM melalui penilaian prestasi pekerja hanya akan bermula pada tahun 2004.

Dalam perkembangan berkaitan, Jamaluddin berkata, anggota perkhidmatan awam memilih SSM akan menerima gaji mengikut sistem itu mulai bulan depan.

Tambahnya, kakitangan kerajaan yang kekal dengan SSB pula akan terus menerima gaji seperti yang terkandung dalam sistem sekarang.